

## PERANAN TUN ABDUL RAZAK (MALAYSIA) DAN ADAM MALIK (INDONESIA) DALAM MENAMATKAN ERA KONFRONTASI MALAYSIA-INDONESIA

*(Contribution Tun Abdul Razak (Malaysia) and Adam Malik (Indonesia) to terminate confrontations between Malaysia-Indonesia)*

Mohamad Akmal

### ABSTRAK

Konfrontasi Malaysia dan Indonesia yang berlaku pada tahun 1963 telah menjadi sejarah hitam buat negara serumpun. Kesan konfrontasi menyebabkan hubungan politik dan ekonomi terjejas sehingga merugikan kedua-dua negara. Ini menyebabkan proses pemulihan untuk menamatkan konfrontasi terus dilakukan bagi memastikan hubungan kedua-dua negara pulih semula. Ketika era konfrontasi Malaysia dan Indonesia berlaku, dua watak penting dalam pemulihan semula hubungan Malaysia dan Indonesia adalah Tun Abdul Razak (Malaysia) dan Adam Malik (Indonesia). Perubahan pemerintahan Indonesia daripada Presiden Sukarno kepada Presiden Suharto telah merubah persekitaran luar Indonesia yang membolehkan langkah awal pemulihan hubungan Malaysia dan Indonesia. Kajian akan mengkaji peranan dan sumbangan kedua-dua tokoh iaitu Tun Abdul Razak dan Adam Malik dalam memulihkan semula hubungan diplomatik Malaysia dan Indonesia. Kaedah metodologi yang digunakan adalah kualitatif dan pendekatan analisis sejarah untuk mengenal pasti peristiwa dan kronologi berpandukan analisis dokumen. Data yang digunakan adalah data yang diperolehi melalui sumber primer dan sekunder. Kajian mendapati bahawa pandangan dan ideologi dasar luar yang lebih neutral dan berkecuali dalam isu hubungan antarabangsa oleh kedua-dua tokoh ini menjadi asas penting kepada persamaan dasar dalam pemulihan hubungan dan penamatan konfrontasi Malaysia dan Indonesia. Kajian ini memberikan pengetahuan mendalam hubungan Malaysia dan Indonesia terutama berkaitan peristiwa konfrontasi selain dapat membantu meningkatkan dasar hubungan dua hala Malaysia-Indonesia.

**Kata kunci:** Tun Abdul Razak, Adam Malik, Konfrontasi, Malaysia-Indonesia

### ABSTRACT

The Malaysia -Indonesia confrontation in 1963 has become a black history for allied countries. The effects of the confrontation caused political and economic relations to be affected to the detriment of both countries. This situation led to a recovery process to end the confrontation and restore relations between the two countries. During the Malaysia - Indonesia confrontation era, two important characters in the restoration of Malaysian - Indonesian relations were Tun Abdul Razak (Malaysia) and Adam Malik (Indonesia). The change of Indonesian government from President Sukarno to President Suharto has changed the external environment of Indonesia, which has allowed the initial steps to restore Malaysia -Indonesia relations. The study will examine the role and contribution of two figures, Tun

Abdul Razak and Adam Malik, in restoring diplomatic relations between Malaysia and Indonesia. The methodology used is a qualitative and historical analysis approach to identify events and chronology based on document analysis. The data used were data obtained through primary and secondary sources. The study found that the more neutral and neutral views and ideologies of foreign policy on international relations issues by these two figures became an essential basis for policy similarities in restoring relations and ending the Malaysia-Indonesia confrontation. This study provides in-depth knowledge of Malaysia-Indonesia relations, especially those related to aggressive events, and can help improve the policy of Malaysia-Indonesia bilateral relations.

**Keywords:** Tun Abdul Razak, Adam Malik, Confrontation, Malaysia-Indonesia

## **PENDAHULUAN**

Hubungan dua negara serumpun Malaysia-Indonesia sudah terjalin sejak zaman awal kerajaan di Asia Tenggara dan pernah mengalami zaman kegemilangan di Nusantara. Sejak kedua-dua negara mencapai kemerdekaan, hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia terus berjalan dengan harmoni dan makmur. Pelbagai kerjasama dalam bidang politik, ekonomi dan sosial melibatkan Malaysia dan Indonesia sejak awal kemerdekaan negara sejak tahun 1957. Penerimaan baik Indonesia atas kemerdekaan Malaysia menjadi hubungan dua hala yang begitu erat dan saling kebergantungan dalam bidang politik mahupun ekonomi. Namun begitu, peristiwa hitam konfrontasi dalam hubungan Malaysia-Indonesia telah mencemar hubungan baik kedua-dua negara. Kacah politik dunia yang berperang dalam menyebarkan ideologi demokrasi kapitalis dan komunis menyebabkan hala tuju dua pemimpin utama iaitu Perdana Menteri Malaysia Pertama, Tunku Abdul Rahman dan Presiden Indonesia, Sukarno memilih ideologi politik yang berbeza. Gagasan Malaysia atau Pembentukan Malaysia tidak dipersetujui dan diterima oleh Sukarno yang menyebabkan muncul konflik konfrontasi Malaysia-Indonesia. Usaha untuk menamatkan konfrontasi terus dijalankan bagi memastikan hubungan Malaysia dan Indonesia pulih seperti dahulu. Justeru, dua watak utama iaitu Tun Abdul Razak (Malaysia) dan Adam Malik (Indonesia) yang berperanan memikul tugas untuk menamatkan konfrontasi dan mendamaikan hubungan politik Malaysia dan Indonesia. Kedua-dua tokoh ini bersama dengan anggota masing-masing berusaha mencari titik persamaan untuk menamatkan konfrontasi dan memulihkan semula kerjasama hubungan Malaysia dan Indonesia.

Dalam artikel ini, kajian membincangkan peranan Tun Abdul Razak dan Adam Malik dalam menamatkan konfrontasi Malaysia dan Indonesia dan seterusnya meningkatkan hubungan dua hala Malaysia-Indonesia. Sumber kajian adalah daripada sumber primer dan sekunder menjadi rujukan utama dalam memperihalkan kronologi peristiwa konfrontasi Malaysia-Indonesia dan juga berkaitan peranan Tun Abdul Razak dan Adam Malik dalam penglibatan politik di peringkat antarabangsa. Ini penting bagi menjelaskan peranan kedua-dua tokoh utama ini dalam mencari penyelesaian menamatkan konfrontasi Malaysia dan Indonesia.

## **SOROTAN KARYA**

Terdapat beberapa penulisan terdahulu menjadi rujukan dalam menghasilkan kajian berkaitan hubungan Malaysia dan Indonesia di antaranya artikel yang bertajuk sumbangan Tun Abdul Razak dalam membina hubungan Malaysia-Indonesia oleh Mohd. Sohaimi Esa dalam terbitan *Jurnal Sejarah*, Universiti Malaya. Kajian membincangkan sumbangan Tun Abdul Razak daripada awal penglibatan politik sehingga menghadapi isu konfrontasi Malaysia-Indonesia dalam memulihkan semula hubungan kedua-dua negara (Mohd Sohaimi, 2011). Namun begitu, perbincangan mengenai sumbangan Tun Abdul Razak dalam peristiwa konfrontasi hanya daripada sudut pandang Malaysia tidak membincangkan dari sudut perspektif dalaman Indonesia yang membawa kepada konfrontasi.

Selain itu, artikel yang bertajuk Rekonsiliasi hubungan Malaysia-Indonesia dalam konteks regionalisme Asia Tenggara oleh Mohamad Rodzi, Abd Ghapa, Zubaidah dan Azharudin dalam jurnal *Jebat* terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia turut membincangkan isu hubungan Malaysia dan Indonesia. Artikel ini membincangkan rekonsiliasi sebagai proses dalam mengukuhkan hubungan dengan Indonesia dalam konteks regionalism di Asia Tenggara (Mohamad Radzi et al. 2013). Kajian ini membincangkan kaedah rekonsiliasi sebagai satu strategi penyelesaian konflik antara negara. Kaedah ini akan meningkatkan hubungan yang saling kebergantungan yang akhirnya akan membawa kepada hubungan yang lebih harmoni. Namun begitu, kepentingan persamaan ideologi politik juga penting untuk membentuk persefahaman hubungan dua hala.

Kajian yang bertajuk 'The Role of Cultural Diplomacy: Indonesia-Malaysia Relations' dalam jurnal *Asian People Journal (APJ)* oleh Yaza Azzahara dan Mohd. Afandi telah membincang hubungan Indonesia-Malaysia dalam 'Cultural diplomacy' berdasarkan analisis konsep Konstruktivisme oleh Alexander Wendt sebagai perbincangan dalam hubungan dua hala. Kajian tertumpu membahaskan hubungan sosial dalam hubungan Indonesia-Malaysia tertumpu hubungan kerjasama pendidikan, budaya dan bahasa dengan menerapkan pandangan 'serumpun'. Artikel ini adalah kajian akademik dari disiplin hubungan antarabangsa dengan turut membahaskan pandangan dan takrif diplomasi oleh para sarjana. Selain itu, pengkaji turut membincangkan tindakan 'soft power' dalam diplomasi yang menerapkan nilai sosial dan budaya. Namun begitu, perbincangan hubungan Indonesia-Malaysia hanya secara umum tidak membahaskan kes kajian secara terperinci tentang diplomasi yang diambil dalam hubungan dua hala.

Artikel ini akan membahaskan dan menganalisis peranan Tun Abdul Razak dan Adam Malik dalam menamatkan konfrontasi Malaysia dan Indonesia berdasarkan tiga tema. Pertama, membincangkan latar belakang awal dalam karier politik dalam dan luar negara Tun Abdul Razak dan Adam Malik bagi menyelusuri kehidupan dan karier politik kedua-dua tokoh ini yang membawa kepada perwatakan dan ideologi politik mereka. Tema kedua, perbincangan adalah rentetan peristiwa yang membawa kepada konfrontasi Malaysia dan Indonesia daripada perspektif kedua-dua negara. Analisis perbincangan akan memperihalkan tindakan Malaysia dan Indonesia dalam peristiwa konfrontasi. Tema ketiga adalah perbincangan mengenai peranan Tun Abdul Razak dan Adam Malik dalam memulihkan hubungan Malaysia dan Indonesia era konfrontasi dan juga membincangkan hubungan kerjasama Malaysia dan Indonesia era Tun Abdul Razak dan Adam Malik pasca konfrontasi.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah kajian yang digunakan adalah kualitatif dan pendekatan analisis sejarah untuk mengenal pasti sesuatu peristiwa berpandukan analisis dokumen, temubual dan kajian perpustakaan. Kajian dokumen diaplikasikan melalui analisis peranan Tun Abdul Razak dan Adam Malik dalam peristiwa konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia. Teknik kajian kualitatif yang dilakukan adalah berdasarkan data dokumen dan analisis kandungan dokumen. Data yang digunakan adalah data yang diperolehi melalui sumber primer dan sekunder. Sumber primer adalah daripada dokumen kerajaan iaitu rekod ucapan dan surat-surat daripada kedua-dua tokoh iaitu Tun Abdul Razak dan Adam Malik dan juga dokumen perjanjian melibatkan kedua-dua tokoh. Selain itu, koleksi ucapan-ucapan terbitan kerajaan mahupun arkib dan dokumen-dokumen peribadi berkaitan kedua-dua tokoh dalam isu konfrontasi turut menjadi bahan analisis pengkaji. Bahan-bahan bagi sumber primer dan sekunder diperolehi daripada Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Tunku Bainun, UPSI, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Wisma Putra, Putrajaya dan Kementerian Luar Indonesia.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Latar belakang Tun Abdul Razak (Malaysia) dan Adam Malik (Indonesia)**

Peranan Tun Abdul Razak dan Adam Malik dalam rentetan peristiwa pemulihan konfrontasi Malaysia-Indonesia tidak boleh dinafikan cukup besar. Namun begitu, ideologi dan prinsip Tun Abdul Razak dan Adam Malik dalam politik antarabangsa pastinya menjadi pengaruh utama dalam proses pemulihan dan penamatan konfrontasi. Latar belakang pendidikan dan karier awal politik kedua-dua tokoh utama ini penting untuk mengetahui sejauhmana karier politik Tun Abdul Razak dan Adam Malik. Ini menjadi asas utama kepada hubungan politik terutama hubungan dua hala Malaysia-Indonesia.

Tun Abdul Razak dilahirkan pada 11 Mac 1922 di Pulau Keladi, Pahang. Beliau merupakan anak sulung Datuk Hussein bin Mohd. Taib yang merupakan Orang Kaya Indera Shahbandar, Pahang. Dan Hajjah Teh binti Daud. Tun Abdul Razak mendapat pendidikan awal di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Kemampuannya yang cemerlang dalam bidang pelajaran membolehkan beliau melanjutkan pelajaran ke Raffles College Singapura. Kecemerlangan Tun Abdul Razak dibuktikan dengan beliau berjaya menamatkan pengajian undang-undang di Lincoln's Inn dalam tempoh 18 bulan sahaja. Tun Abdul Razak mendirikan rumahtangga bersama Tun Rahah binti Tan Sri Haji Noah dalam tahun 1951 dan dikurniakan 5 orang anak lelaki. Kecemerlangan dalam bidang pendidikan membuktikan bahawa Tun Abdul Razak mempunyai pemikiran yang tinggi dan mempunyai pengetahuan yang mendalam berkaitan undang-undang.

Ketika di England, Tun Abdul Razak berpeluang mendalami politik dan membina perwatakan pemikiran yang luas. Aktif dalam kegiatan-kegiatan pelajar, Tun Abdul Razak menubuhkan Malayan Forum yang dipengaruhi daripada Parti Buruh British untuk memberi kesedaran politik kepada anak-anak Malaya. Beliau juga turut terlibat menganggotai Persatuan Fabian dan Malayan 'Students' Union. Setelah tamatnya pengajian, Tun Abdul Razak mula melibatkan diri dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Beliau turut menganggotai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau United Malays National Organization (UMNO). Tun Abdul Razak dilantik sebagai Ketua Pemuda, UMNO. Ini diikuti

pula sebagai ahli tidak rasmi Majlis Undangan Persekutuan. Dalam tahun 1951, Tunku Abdul Rahman menjadi Presiden UMNO. Ketika itu, Tun Abdul Razak masih muda telah menjadi Timbalan Yang di-Pertua (Timbalan Presiden). Di sini bermulalah karier perjuangan politik Tun Abdul Razak dalam mencapai kemerdekaan. Pada 31 Ogos 1957, Malaysia mencapai kemerdekaan bermulalah perkhidmatan Tun Abdul Razak sebagai Menteri dipelbagai Kementerian. Pengalaman yang diperolehi Tun Abdul Razak bersama Tunku Abdul Rahman dalam mendapatkan kemerdekaan negara menjadikan beliau seorang yang matang dalam mentadbir negara. Kematangan inilah diperlukan beliau dalam menguruskan dasar dalam negara mahupun luar negara sejajar dengan menjaga kepentingan dan kedaulatan negara.

Konsep demokrasi Tun Abdul Razak adalah berasaskan keseimbangan sosial dan ekonomi di mana semua rakyat dapat memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi negara. Tun Abdul Razak menyatakan “kepimpinan Melayu mestilah kepimpinan luar bandar”. Beliau melihat pembangunan negara sangat besar ertinya kerana bukan sahaja pertahanan dalam kedaulatan malah dalam pembangunan negara. Secara umumnya, faktor pendidikan yang tinggi dan kematangan dalam karier politik awal dalam mencapai kemerdekaan menjadikan Tun Abdul Razak seorang yang berpengalaman dalam mengurus hal ehwal negeri. Melalui pengalaman inilah beliau mempraktikkan dalam mengurus konflik konfrontasi Malaysia-Indonesia.

Begitu juga, perwatakan Adam Malik dalam pendidikan dan karier politik di Indonesia turut mempengaruhi perjalanan politik beliau. Adam Malik tinggal dan dibesarkan di Pematangsiantar dan mendapat pendidikan di Siantar dan Bukit Tinggi. Ayah Adam Malik iaitu Haji Abdul Malik Batubara berasal dari Tapanuli Selatan, Mandailing yang bermula berdagang kecil-kecilan di Pematangsiantar dan menjadi seorang penjahit. Manakala ibunya Salamah Lubis merupakan penduduk kampung Cemor, Malaysia. Sebenarnya Ibu Adam Malik juga berasal dari Tapanuli Selatan, Mandailing mereka merantau ke Malaysia kemudian menetap dan tinggal menjadi warga negara Malaysia. Ayah Adam Malik seorang pedagang yang kaya dan berjaya di Pematangsiantar. Kota Pematangsiantar sebuah bandar yang maju kerana terdapatnya perkebunan Belanda menyebabkan aktiviti pedagang sangat baik (Koleksi Keluarga Adam Malik, 2017). Salasilah keluarga Adam Malik yang mempunyai hubungan kekeluargaan di Malaysia menjadikan hubungan keluarga yang serumpun itu tetap ada dalam diri Adam Malik. Ini menjadikan Adam Malik melihat Malaysia bukan asing kerana mempunyai hubungan kekeluargaan di Malaysia.

Di zaman kanak-kanak, Adam Malik sangat minat membaca dan menonton filem telah membentuk perwatakan dengan dunia bacaan dan menulis menjadikan beliau seorang jurnalis ketika dewasa. Adam Malik menempuh pendidikan awalnya di Hollandsch-Inlandsche School (HIS) Permatangsiantar. Pendidikan menjadi keutamaan Ibu dan Ayah Adam Malik sehingga menghantar Adam Malik untuk melanjutkan sekolahnya ke Bukit Tinggi, Sumatera Barat yang jauh dari kota Pematangsiantar. Keutamaan pendidikan agama menyebabkan beliau di hantar ke Sekolah Agama Madrasah Sumatera Thawalib di Parabek Bukit Tinggi, Sumatera Barat setelah tamat dari HIS. Namun begitu, ia hanya bertahan selama setahun kerana keinginannya untuk maju dan berbakti kepada bangsa mendorong Adam Malik untuk pergi merantau ke Jakarta.

Setelah lulus dari HIS Adam Malik mempunyai kemampuan fasih berbahasa Belanda kerana bahasa Belanda menjadi bahan pengantar di sekolahnya. Karier awal politik, Adam Malik diberikan kepercayaan oleh teman-teman untuk menjadi ketua Partai Indonesia (Partindo) di Pematangsiantar dan Medan pada tahun 1934 hingga 1935. Adam Malik aktif menulis di Surat Khabar Pelita Andalas dan majalah Partindo. Selain itu, Adam Malik sudah

aktif memperjuangkan kemerdekaan Indonesia melalui Partindo. Adam Malik bermula dalam perjuangan politik ketika menjadi wartawan dan menulis di Akhbar Pelita Andalas serta majalah Partindo hingga menubuhkan pejabat Berita Antara. Perwatakan sebagai jurnalis banyak mempengaruhi pengetahuan Adam Malik terutama berkaitan politik Indonesia dan dunia antarabangsa.

Penglibatan Adam Malik dalam politik bermula dengan membentuk parti Musyawarah Rakyat Banyak (MURBA). Parti Murba merupakan parti politik pertama Adam Malik pasca kemerdekaan. Parti ini telah membawa Adam Malik ke jabatan wakil ketua KNIP dan membuka jalan dalam percaturan politik nasional dan antarabangsa. Adam Malik bermula berkhidmat dalam pemerintahan menjadi Ketua Komite Nasional Indonesia Pusat (KNIP) merangkap anggota Badan Pekerja KNIP (1946). Adam Malik mewakili kelompok pemuda, sebagai pimpinan Komite terpilih sebagai Ketua III Komite Nasional Indonesia Pusat (KNIP) (1945-1947) yang bertugas menyiapkan susunan pemerintahan. Pada tahun 1945-1946, Beliau menjadi anggota Badan Persatuan Perjuangan di Yogyakarta dan menjadi Ketua II KNIP. Pada 7 November 1948, Tan Malaka bersama Adam Malik, Chairul Saleh dan Sukarni mendirikan Parti MURBA. Pada tahun 1948-1956, Adam Malik menjadi anggota dan Dewan Pimpinan Parti MURBA dan pada tahun 1955 berhasil menjadi anggota Dewan Perwakilan Rakyat (DPR-RI) hasil pemilihan umum tahun 1955. Namun begitu, Parti MURBA bukanlah parti terakhir yang pernah Adam Malik sertai sepanjang karier politik beliau.

Ringkasnya, perjalanan karier politik Tun Abdul Razak dan Adam Malik mengharungi cabaran yang cukup besar untuk mencapai kemerdekaan. Pengalaman dalam karier politik awal kedua-dua tokoh ini menjadikan Tun Abdul Razak dan Adam Malik matang dalam percaturan politik antarabangsa. Ini dibuktikan bagaimana Tun Abdul Razak bersama Tunku Abdul Rahman membina negara untuk mencapai kemerdekaan negara daripada British. Begitu juga Adam Malik yang terlibat bersama tokoh Nasionalis Indonesia Tan Melaka menubuhkan Parti MURBA bersama untuk memperjuangkan kemerdekaan dan mempertahankan kemerdekaan daripada Belanda. Setelah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, hubungan diplomatik Malaysia-Indonesia secara rasmi dijalankan dan pada 17 April 1959, perjanjian persahabatan Malaysia-Indonesia telah ditandatangani. Maka di sini bermulalah hubungan dua hala Malaysia-Indonesia dalam kerjasama sebagai sebuah negara yang merdeka dalam pelbagai bidang politik, ekonomi dan mahupun sosial.

### **Hubungan Sebelum Konfrontasi Malaysia-Indonesia**

Kepentingan politik di awal kemerdekaan menjadi penentu hala tuju politik Malaysia. Sistem pentadbiran negara berdasarkan perlembagaan negara secara rasmi bermula apabila Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Kestabilan dan kepentingan negara perlu diutamakan sama ada dalaman mahupun luaran. Hubungan luar juga penting bagi menjamin dan melindungi kepentingan negara dalam penglibatan di peringkat antarabangsa. Justeru, hubungan diplomatik adalah sebahagian daripada alat untuk berinteraksi dengan negara luar bagi memastikan kepentingan dan kelangsungan negara dapat dilaksanakan. Oleh itu, menjadi keutamaan untuk melihat dasar luar Malaysia dan Indonesia kerana ia menjadi medium hubungan diplomatik kedua-dua negara. Hubungan baik politik kedua-dua negara akan menjadi penentu kepada kerjasama dalam bidang ekonomi mahupun sosial. Hubungan baik dalam politik akan memberi '*spill-over*' dalam kepentingan kerjasama ekonomi (S. Smith et al., 2007). Di awal hubungan Malaysia dan Indonesia, berlangsung

erat meletakkan aspek serumpun sebagai teras kerjasama kedua-dua negara. Ini dibuktikan dengan ucapan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj merupakan Ketua Menteri Malaysia (Tanah Melayu) di Mesyuarat Menteri-Menteri di Jakarta pada 8 November 1955. Antara ucapan Tunku:

*“Bahawasanya tidaklah dapat disangkal oleh dunia akan perhubungan antarabangsa Melayu dengan bangsa Indonesia yang mana pada satu masa kita dikenali sebagai satu bangsa yang mendiami Gugusan Pulau-pulau Melayu...Sungguhpun kita bercerai di satu babak tapi bersatu yang lain iaitu babak kebudayaan (Tunku Abdul Rahman, 1985).*

Indonesia negara pertama yang mempunyai perwakilan dari Malaysia setelah mencapai kemerdekaan. Pada 17 April 1959, Perjanjian Persahabatan Malaysia-Indonesia telah ditandatangani. Ini memberi makna besar kepada sejarah diplomatik dua hala Malaysia kerana ia memberi banyak bantuan terhadap negara terutama dalam bidang ekonomi dan sosial. Namun begitu, bagi negara baru merdeka Malaysia mahupun Indonesia tidak mudah untuk menentukan dasar luar yang mampu menjaga kepentingan dan kedaulatan negara. Masalah dalaman dan luar Malaysia dan Indonesia adalah berbeza setelah mencapai kemerdekaan. Malaysia masih menerima ancaman komunis dalam negara manakala Indonesia berusaha mempertahankan kemerdekaan dan wilayah Irian Barat daripada Belanda. Keadaan ini menyebabkan kedua-dua negara memilih dasar luar berbeza ketika awal kemerdekaan negara.

Tunku Abdul Rahman telah memilih pendekatan pro-Barat dan anti-Komunis dalam dasar luar Malaysia (Johan Saaravanamutthu, 2008). Pemilihan dasar luar pro-Barat dan anti-Komunis diambil adalah sebahagian daripada faktor sejarah lalu yang mana Malaysia pernah dijajah oleh British (TAR 1:7:57, 1957). Selain itu, Malaysia masih memerlukan sokongan dan bantuan daripada British amnya dalam memajukan pembangunan ekonomi (J. M. Van der Kroef, 1963).

*“...I gave the reason as to why we had sought to enter into this Mutual Defence Pact with UK. I repeat it is because we have not got armed forces strong enough not only for the purpose of resisting aggression from without but even for crushing the communist uprising from within. As I said earlier even in spite of the help we are receiving from the British and the Commonwealth troops, we have not able to end this state of Emergency (TAR 1:10:75, 1957).”*

Faktor dalaman dan luaran juga diambil penting dalam penentu dasar luar Malaysia. Ini kerana situasi selepas kemerdekaan negara masih lagi menerima ancaman keselamatan daripada komunis dan masih memerlukan bantuan keselamatan dan pertahanan daripada Barat umumnya. Ini menyebabkan Tunku Abdul Rahman dilihat lebih Pro-Barat dalam dasar luar beliau dan ditambah sifat idiosinkratik Tunku Abdul Rahman yang pernah menerima pendidikan Barat. Dasar Pro-Barat diambil untuk mengekalkan politik kemerdekaan negara dengan mengadakan pakatan dengan kuasa-kuasa Barat dan menyokong idea demokrasi yang dibawa oleh Amerika Syarikat. Manakala dasar anti komunis diambil bagi melindungi integriti wilayah Malaysia dengan menolak ideologi komunis dan melaksanakan dasar tidak campur tangan dengan menghormati kedaulatan wilayah Negara (Johan Saravanamutthu, 2008). Kebergantungan yang tinggi terhadap Barat dalam ekonomi menyebabkan Tunku Abdul Rahman mengamalkan dasar Pro-Barat (Faridah Jaafar, 2012). Lantaran itu, dapat disimpulkan bahawa dasar Tunku Abdul Rahman pro-Barat dan anti-Komunis diambil sebagai langkah kelangsungan politik dan

ekonomi Malaysia.

Begitu juga Indonesia, pada awal kemerdekaan Indonesia mengamalkan dasar luar yang neutral dan berkecuali. Indonesia di bawah Sukarno mengamalkan dasar yang berbeza dengan Tunku Abdul Rahman dalam dasar luar dan ideologi politik. Walaupun secara rasminya dasar luar Indonesia dibentuk oleh Mohammad Hatta ketika Indonesia mencapai kemerdekaan. Pada 2 September 1948, politik luar negara Indonesia pertama kali diperkenalkan oleh Mohammad Hatta di depan Badan Pekerja Komite Nasional Indonesia Pusat (KNIP). Mohammad Hatta adalah orang yang memperkenalkan dasar luar politik Indonesia. Pernyataan Mohammad Hatta cukup sinis dengan menyatakan:

*“Mestikan kita bangsa yang berjuang untuk kemerdekaan harus memilih pro Rusia atau Amerika? Sebagai bangsa independent, tidakkah ada pendirian yang mesti kita ambil dalam mengejar cita-cita?”*

Dalam hubungan antarabangsa, Indonesia menerapkan dasar politik bebas dan aktif. Bebas bermaksud tidak terpengaruh dengan kuasa-kuasa luar sehingga menentukan arah dasar berdasarkan kemampuan negara. Manakala aktif bermaksud terlibat dalam segala kerjasama dan mendukung kestabilan antarabangsa tanpa memihak kepada mana-mana kuasa. Gagasan politik bebas ini adalah hasil pemikiran Mohammad Hatta yang diambil daripada bukunya bertajuk ‘Mendayung di Antara Dua Karang’. Dasar luar Indonesia tidak berpihak kepada Barat mahupun Timur dengan tujuan politik bebas aktif (Aman, 2015 & M. Ricklefs, 2005). “Sejarah tradisional Indonesia menjalankan suatu politik luar negeri yang bebas dan aktif, sesuai dengan kepentingan-kepentingan nasional dalam usaha untuk mencapai kemakmuran rakyat dan keseluruhannya (ANRI, 1966).”

Ini adalah demi menjaga kepentingan negara dalam rangka meneruskan perjuangan anti-kolonialisme dan imperialisme dalam segala bentuk dan manifestasi (C. A. Fisher, 1963). Namun demikian, politik bebas aktif tidak semuanya dilaksanakan dengan lancar masih terdapat beberapa polisi negara Indonesia yang menyimpang daripada konsep asal (Aman, 2015). Menurut Hatta pendirian yang harus diambil oleh Indonesia bertujuan supaya bangsa Indonesia tidak menjadi acara pertarungan politik antarabangsa, melainkan harus tetap menjadi subjek yang menentukan nasib dan pandangan sendiri. Ini menunjukkan bahawa di awal kemerdekaan Indonesia telah mengamalkan dasar bebas dan aktif sebelum masuknya pengaruh Parti Komunis Indonesia (PKI) yang kemudiannya disokong oleh Sukarno. Kepentingan mengetahui ideologi dan dasar luar Malaysia dan Indonesia di awal kemerdekaan penting kerana melalui dasar luar ini akan menjadi penghubung kepada hubungan bilateral.

### **Permulaan Kepada Bermulanya Konfrontasi**

Kemelut politik dalam dan luar negara sangat mempengaruhi dasar luar yang diambil terutama dalam memastikan kepentingan dan kedaulatan negara terjamin. Perbincangan mendalam mengenai dasar politik dalam dan luar Malaysia dan Indonesia memfokuskan isu-isu dan peristiwa penting Malaysia dan Indonesia yang membawa kepada konfrontasi Malaysia dan Indonesia. Melalui analisis yang terperinci politik dalaman akan membawa reaksi yang lebih mendalam kepada hubungan luar politik terutama peristiwa konfrontasi Malaysia dan Indonesia. Titik permulaan membawa kepada konfrontasi hubungan Malaysia dan Indonesia wujud sejak isu Irian Barat lagi. Beberapa pendirian kedua-dua negara yang



tidak sehaluan dalam isu Irian Barat menyebabkan berlakunya sedikit ketegangan (C. L. Joseph, 2005). Isu dalaman Irian Barat turut menyumbang kepada konfrontasi awal. Sejak kemerdekaan Malaysia lagi Tunku Abdul Rahman telah mengambil dasar luar yang berorientasikan pro-Barat dan menentang komunis (Johan Saravanamutthu, 2008). Berbeza dengan pemerintahan Indonesia di bawah Presiden Sukarno yang lebih cenderung menjalankan kerjasama dengan negara-negara komunis dalam pentadbiran beliau (D. Hindley, 1963).

Isu Irian Barat muncul apabila Belanda tidak bersedia untuk menyerahkan Irian Barat ke dalam bahagian Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI) dan memilih untuk menjadikan wilayah itu sebagai negara boneka. Belanda tidak mahu mengakui kemerdekaan Indonesia tetapi terus melakukan serangan terhadap NKRI sehingga berlaku peperangan kemerdekaan tahun 1945-1949. Bagi mengakhiri konflik tersebut suatu persidangan Konferensi Meja Bundar (KMB) di Den Haag, Belanda diadakan dari 23 Ogos hingga 2 November 1945. Hasil daripada konferensi ini adalah pengakuan kedaulatan negara Indonesia oleh Belanda terhadap seluruh wilayah bekas Hindi Belanda. Selain itu, kesepakatan bahawa masalah Irian Barat yang juga turut menjadi bahagian dan wilayah Hindi Belanda akan dibincangkan dan diselesaikan satu tahun setelah pengakuan kedaulatan. Pelbagai usaha dilakukan Indonesia untuk mempertahankan Irian Barat mulai dari diplomasi iaitu membawa permasalahan Irian Barat ke dalam sidang Majlis Umum PBB sejak tahun 1954. Persoalan Irian Barat berulang kali dimasukkan ke dalam sidang Majlis Umum PBB tetapi usaha tidak pernah berhasil untuk mendapatkan respon yang positif.

Dalam isu Irian Barat, Adam Malik memainkan peranan sebagai Ketua Delegasi Republik Indonesia untuk perundingan Indonesia dengan Belanda mengenai wilayah Irian Barat di Washington D. C, Amerika Syarikat. Aktiviti Adam Malik dan kawan-kawan dalam kegigihan mempertahankan kemerdekaan Republik Indonesia pernah membawa mereka dan Adam Malik ke penjara Belanda. Dengan berbagai cara Belanda lakukan untuk meruntuhkan semangat perjuangan tokoh Indonesia termasuk Adam Malik namun semangat kemerdekaan itu tidak pernah pudar. Akhirnya pada 16 Julai 1949, Belanda melepaskan tawanan sebagaimana yang ada dalam rakaman telegram Belanda kepada Indonesia yang isinya pembebasan tawanan termasuk Adam Malik.

Dalam isu Irian Barat, Tun Abdul Razak telah dilantik untuk membantu Indonesia yang berjuang untuk mendapatkan wilayah Irian Barat, namun beliau menolak berita bahawa Malaysia berjanji untuk mendapatkan wilayah tersebut daripada kuasa Belanda (G. J. Pauker, 1964). Masalah ini sedikit sebanyak telah mengeruhkan hubungan Malaysia dan Indonesia sehingga awal tahun 1960-an (Kunaseelan, 1996). Keadaan hubungan kedua-dua negara menjadi semakin rumit apabila media kedua-dua negara memberi persepsi yang buruk terhadap hubungan Malaysia dan Indonesia. Masalah hubungan Malaysia dan Indonesia akibat pemberontakan Brunei merupakan satu ujian kesetiaan bagi rakyat Malaysia. Selain itu, isu Pemerintahan Revolusioner Republik Indonesia (PRRI) yang berlaku di Indonesia turun menimbulkan masalah hubungan Malaysia dan Indonesia. Keadaan ini bermula sejak lawatan Tun Abdul Razak dalam isu PRRI lagi. Dalam lawatan, Tun Abdul Razak telah berjanji akan bekerjasama dengan pemerintahan Indonesia untuk menyekat kemasukan pemberontakan PRRI ke Malaysia (Pamela Sodhy, 1988). Tun Abdul Razak juga turut meminta senarai nama pemberontak daripada Indonesia untuk menyekat pemberian suaka politik. Pemberontakan ini juga berpunca akibat daripada masalah ekonomi di Indonesia. Masalah kadar inflasi ekonomi di Indonesia telah meningkat akibat perbelanjaan besar yang diperuntukkan bagi tentera

untuk membebaskan Irian Barat daripada penjajahan Belanda (Benjamin & Hingins, J., 1958).

Keadaan hubungan Malaysia dan Indonesia bertambah buruk apabila jurucakap Kementerian Luar negara Indonesia, Ganis Harsono, menggambarkan Malaysia sebagai “*police state*” dan menuduh Tunku Abdul Rahman tidak melayan Dr. Juanda dengan baik semasa lawatan ke Kuala Lumpur pada tahun 1959. Selain itu, terdapat juga tuduhan yang mengatakan bahawa Tunku Abdul Rahman berhasrat untuk menguasai Sumatera pada tahun 1958 semasa pemberontakan PRRI berlaku di Indonesia (R. Butwell, 1964). Tuduhan menyatakan PRRI dan Permesta disokong oleh Tunku Abdul Rahman adalah kerana dasar ideologi pro-Barat di mana Barat menyokong pemberontakan PRRI dan Permesta menyebabkan Sukarno marah terhadap Barat (Mohd Noor Yazid, 2000). Rumusannya isu ini timbul atas salah faham dalam hubungan luar yang mengeruhkan hubungan Malaysia-Indonesia. Namun begitu, isu utama membawa kepada konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia adalah isu Pembentukan Malaysia yang menggabungkan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak (G. M. Kahin, 1964).

### **Punca Konfrontasi Berlaku**

Dalam membincangkan peristiwa konfrontasi Malaysia-Indonesia dianalisis berdasarkan pandangan dan perspektif Malaysia dan Indonesia yang membawa kepada punca konfrontasi. Malaysia dan Indonesia mempunyai pandangan yang berbeza dalam isu konfrontasi yang bertitik mula daripada Gagasan Malaysia. Malaysia melihat gagasan Malaysia sebagai suatu penyelesaian daripada ancaman komunis manakala Indonesia melihat sebagai suatu ancaman neo-kolonialisme baru di rantau Asia Tenggara. Maka analisis berkaitan pandangan kedua-dua negara perlu diperhalusi untuk menilai sejauh mana konfrontasi memberi kesan kepada hubungan Malaysia dan Indonesia.

Konfrontasi Malaysia-Indonesia muncul setelah British dan Malaya membentuk persekutuan yang lebih besar iaitu Pembentukan Malaysia yang melibatkan negara bahagian iaitu Brunei, Singapura, Sarawak dan Sabah/ Kalimantan Utara. Mendengar keterlibatan British tersebut, Presiden Sukarno yang anti kolonialisme dan imperialisme merasakan adanya neo-kolonialisme baharu dari British. Maka ia pun mengeluarkan pendirian tidak setuju. Pada 5 Februari 1963, ketika Persidangan konferensi Solidariti bangsa-bangsa Asia-Afrika yang diadakan di Moshi, Tanganyika, Indonesia mengancam dengan serius pembentukan persekutuan Malaysia dan meminta konferensi mendukung gerakan Kalimantan Utara yang menentang penjajah dan menuntut kemerdekaan. Pada 11 Februari 1963, kenyataan rasmi tentang politik konfrontasi “Ganyang Malaysia” dinyatakan.

Pada 7 Jun 1963, perundingan lebih lanjut permasalahan ini antara pemimpin tiga negara iaitu Indonesia, Malaysia yang ketika itu oleh Tunku Abdul Rahman bersama Presiden Filipina diadakan. Di mana kedua negara menyatakan tidak keberatan negara-negara bahagian ini merdeka bukan dengan pembentukan negara daripada British. Ketika perundingan belum menemukan titik penyelesaian, akhirnya dibawa ke Persidangan tertinggi di Filipina yang diadakan pada 31 Julai hingga 5 Ogos 1963. PBB memutuskan perlu adanya hak untuk negara-negara bahagian untuk menyatakan kemahuan *self Determination*. Belum sempat PBB *Self Determination* dijalankan Malaysia sudah mengumumkan bahawa pada 16 September 1963 merupakan hari Pembentukan Malaysia. Mengetahui hal ini Sukarno menjadi marah dan memutuskan segala hubungan diplomasi dengan Malaysia kerana

dianggap melanggar misi PBB. Demonstrasi besar-besaran berlaku di Indonesia bagi menentang Pembentukan Malaysia.

Pada 25 September 1963, Presiden Sukarno mengumumkan bahawa akan mengganyang Malaysia. Pada 3 Mei 1964, Appel-Besar Sukarelawan Ganyang Malaysia di Istana Merdeka di hadapan 21 juta sukarelawan, Sukarno berbicara mengenai pidato Dwikora (Dwi Komando Rakyat) yang bermaksud perhebatkan ketahanan Revolusi Indonesia. Indonesia membantu perjuangan revolusioner rakyat-rakyat Malaya, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei untuk memerdekakan secara sendiri dan membubarkan negara Malaysia. Maksud Dwikora bukan bermusuhan dengan serumpun Melayu tetapi menolok Imperialisme dan Kolonialisme British. Keadaan yang semakin tegang antara Malaysia dan Indonesia menyebabkan PBB meminta mengadakan rundingan semula.

Konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia dianggap kurang sesuai dengan politik luar negeri yang bebas dan aktif. Tindakan ini amat merugikan kedua-dua belah pihak dan hubungan negara berjiran terputus. Ketika pemerintahan order baharu berniat melakukan normalisasi hubungan Indonesia dan Malaysia. Pada 8 Januari 1963, Presiden Sukarno menolak gagasan Malaysia. Indonesia mengisytiharkan pembentukan Malaysia sebagai projek Neo-kolonialisme yang mesti ditentang (C. A. Fisher, 1963). Tindakan daripada reaksi ini, Indonesia mengisytiharkan konfrontasi terhadap Pembentukan Malaysia oleh Dr. Subandrio. Pada 21 Januari 1963 diikuti dengan memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia oleh Presiden Sukarno pada 13 Februari 1962. Indonesia telah melancarkan konfrontasi ketenteraan dan kemudian barulah konfrontasi ekonomi dijalankan. Pada 30 Januari 1963, kerajaan Malaysia memanggil balik duta Malaysia di Jakarta iaitu Encik Kamaruddin Hj Idris. Semasa Indonesia melancarkan konfrontasi, keadaan ekonomi Indonesia adalah tenat dan dibebani hutang luar yang tinggi (Pamela Sodhy, 1988).

Terdapat beberapa pandangan yang mengatakan pembentukan Malaysia yang sebagai suatu ancaman kepada Indonesia. Pada 18 Februari 1963, Jeneral Nasution mengatakan Indonesia menentang pembentukan Malaysia kerana dua sebab, pertama Malaysia akan menjadi ancaman pertahanan kerana digunakan oleh kuasa asing. Kedua, Malaysia akan menjadi '*haven for economic subversion*' yang melibatkan kegiatan penyeludupan dan perdagangan barter secara haram di sempadan Malaysia dan Indonesia (G. M. Kahin, 1964). Kegiatan ini telah pun menyebabkan Indonesia kehilangan 20% hingga 30% daripada jumlah pendapatan eksport tahunan negara. Dr. Subandrio telah mencadangkan agar langkah-langkah pengunduran dijalankan sering dengan kemajuan penyelesaian dari segi politik. Tun Abdul Razak menolak kerana ia merupakan satu rundingan di bawah paksa. Tun Abdul Razak menolak cadangan berperingkat oleh Thailand dan Filipina kerana tidak yakin dengan perkataan berperingkat. Tun Abdul Razak mengumumkan bahawa tindakan Indonesia mengancam keselamatan Tanah Melayu, Kuala Lumpur perlulah mengambil langkah-langkah untuk menjamin keselamatannya. Pada 12 April 1963, tentera Indonesia telah menyerbu masuk dan menyerang sebuah kampung di daerah Serian, Sarawak.

Pada 7 Jun 1963, Menteri-menteri Luar ketiga negara Tanah Melayu, Tun Abdul Razak, Indonesia, Dr. Subandrio dan Filipina, Emmanuel Pelaez, berlangsung selama 4 hari. Melalui rundingan ini menghasilkan deklarasi yang dikenali sebagai "Manila Accord" atau Persetujuan Manila. Dalam rundingan tersebut mencadangkan bahawa Tanah Melayu, Indonesia, Filipina harus bertanggungjawab untuk mengekalkan kestabilan dan keselamatan rantau daripada kegiatan subversif. Ghazali Shafie yang mengikut Tun Abdul Razak ke mesyuarat menteri-menteri luar menolak kenyataan bahawa Indonesia dan Filipina bersetuju dengan penubuhan Malaysia jika PBB mengadakan pungutan suara di Sabah dan Sarawak.

Persidangan Manila sebagai satu kejayaan untuk diplomasi Tun Abdul Razak kerana dalam persidangan itu tidak ada penentangan terhadap penubuhan Malaysia pada 31 Ogos 1963.

Pada 9 Julai 1963, Tanah Melayu dan United Kingdom menandatangani perjanjian untuk memindahkan kedaulatan British di Sabah, Sarawak dan Singapura kepada Malaysia pada 31 Ogos 1963. Pada 11 Julai 1963, Presiden Sukarno satu kenyataan menuduh Tunku Abdul Rahman telah melanggar janji yang dibuat di Tokyo apabila menandatangani Perjanjian Malaysia di London. Tun Abdul Razak menjawab tindakan Sukarno adalah tidak betul dan mengharap isu ini dibincangkan pada sidang kemuncak. Indonesia membantah pembentukan Malaysia kerana menganggap Malaysia akan menjadi boneka kepada negara Barat. Ini menyebabkan pada September 1963 Indonesia memberhentikan perdagangan dengan Malaysia (D. Hindley, 1964). Pada masa yang sama, Presiden Sukarno turut mendakwa penggunaan tarikh 16 September 1963 penubuhan Malaysia adalah bertentangan dengan 'Manila Accord' yang sepatutnya dibentuk selepas Penubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyiasat kehendak penduduk Sabah dan Sarawak (C. L. Joseph, 2005). Dalam isu konfrontasi Tun Abdul Razak menyatakan:

*"Presiden Sukarno dan pembesar-pembesar Indonesia mengatakan bahawa Malaysia ini mengancam akan keselamatan dan kedudukan Indonesia. Tuduhan ini juga tidak dapat diterima kerana bagaimana sebuah negara yang mempunyai rakyat sepuluh juta ramainya boleh mengancam dan merupakan suatu bahaya kepada negara yang lebih besar seperti Indonesia yang mempunyai rakyat seramai satu ratus juta orang iaitu sepuluh kali ganda banyaknya daripada rakyat Malaysia. Tentulah sekali perkara ini mustahil (Tun Abdul Razak, 1963)."*

Pada 16 September 1963, Persekutuan Malaysia diisytiharkan yang menggabungkan Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Ketegangan politik penubuhan Malaysia telah menimbulkan kesan negatif kepada hubungan Malaysia dan Indonesia dalam sektor ekonomi (G. M. Kahin, 1964). Kerjasama ekonomi perdagangan dua hala dan lawatan muhibah telah merosot kerana konflik politik. Kesan buruk dari segi ekonomi tidak jelas kelihatan kerana tahap perdagangan dua hala masih berada pada paras memuaskan. Namun kemerosotan ternyata berlaku pada tahun 1963, berikutan pemberontakan Brunei dan ketika era konfrontasi Malaysia dan Indonesia (G. J. Pauker, 1963).

Rumusannya, konfrontasi berlaku adalah andaian kedua-dua tokoh pemerintah utama yang memahami 'Gagasan Malaysia' dari sudut pandangan yang berbeza sehingga membawa kepada konfrontasi. Ini telah membawa kepada impak yang negatif hubungan kerjasama Malaysia-Indonesia terutama dalam bidang politik dan ekonomi. Konfrontasi ekonomi telah merugikan Malaysia dan juga Indonesia dalam sektor perdagangan. Namun begitu, proses pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia dalam menamatkan konfrontasi menjadi keutamaan dua tokoh utama iaitu Tun Abdul Razak dan Adam Malik bagi memastikan proses perdamaian berjalan dengan lancar.

### **Proses Perdamaian Dan Penamatan Konfrontasi Malaysia-Indonesia**

Sumbangan Tun Abdul Razak dan Adam Malik dalam hal ehwal hubungan Malaysia-Indonesia begitu signifikan dibincangkan. Perbincangan secara kronologi dapat menganalisis secara mendalam peranan dua watak penting iaitu Tun Abdul Razak dan Adam Malik dalam mengakhiri konfrontasi yang membawa kepada perjanjian perdamaian hubungan Malaysia dan Indonesia. Proses pemulihan dan penamatan konfrontasi yang dilakukan oleh Tun Abdul

Razak dan Adam Malik berkaitan peranan antarabangsa yang dilakukan oleh Tun Abdul Razak dan Adam Malik penting melihat sejauh mana kedua-dua tokoh itu memikul cabaran dalam menghadapi isu-isu yang melibatkan politik antarabangsa. Tun Abdul Razak dan Adam Malik mempunyai persamaan dari segi kematangan dalam menguruskan isu antarabangsa yang membawa kedua-dua tokoh ini menjadi watak utama dalam memulihkan hubungan konfrontasi Malaysia-Indonesia.

Permulaan pemulihan hubungan konfrontasi Malaysia dan Indonesia mula dengan mencari penyelesaian aman bagi masalah pembentukan Malaysia berdasarkan perjanjian MAPHILINDO yang diadakan pada 7 Januari 1964. Tindakan ini pada 22 Januari 1964, Presiden Sukarno telah mengumumkan gencatan senjata di perbatasan Sabah dan Sarawak dengan tujuan membawa isu Malaysia ke meja perundingan. Namun, Sukarno menegaskan konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia belum tamat dan akan diteruskan. Sementara itu, Tun Abdul Razak atas arahan Tunku Abdul Rahman mengingatkan bahawa Malaysia akan terus menghalang gerila Indonesia di samping menunggu untuk rundingan seterusnya.

Pada 2 Mac 1964, tuduh-menuduh dan pertempuran senjata antara Malaysia dengan Indonesia berterusan dengan pandangan tiga penjurong peringkat kedua di Bangkok. Rundingan terhadap peringkat kedua adalah ringkasan dan membincangkan isu pengunduran tentera. Dr. Subandrio telah mencadangkan agar langkah-langkah pengunduran dijalankan seiring dengan kemajuan penyelesaian dari segi politik. Tun Abdul Razak menolak kerana ia merupakan satu rundingan di bawah paksa. Tun Abdul Razak menolak cadangan berperingkat oleh Thailand dan Filipina kerana tidak yakin dengan perkataan berperingkat. Di antara cadangan berperingkat dalam peringkat kedua iaitu:

- i. Pengunduran tentera ke wilayah masing-masing.
- ii. Rundingan ke arah penyelesaian politik dilakukan pada masa yang sama.
- iii. Sidang kemuncak diadakan antara Tunku Abdul Rahman, Sukarno, Macapagal sebaik sahaja semua pengunduran penuh dilakukan.

Pendirian Tun Abdul Razak adalah jelas menolak cadangan berkenaan kerana bimbang pencerobohan akan terus berlaku jika konfrontasi hubungan Malaysia-Indonesia dalam politik tidak diselesaikan secara tuntas.

Di Indonesia, Parti Komunis Indonesia (PKI) telah mendesak kerajaan Indonesia supaya mengadakan konfrontasi terhadap Malaysia secara menyeluruh, serangan terhadap wilayah-wilayah Malaysia berterusan sejak kegagalan persidangan Bangkok. Pengaruh PKI begitu kuat ketika era 1960-an di bawah pentadbiran Sukarno tambahan pula hubungan Sukarno dengan negara komunis China dan Soviet Union yang begitu rapat ketika awal tahun 1960-an.

Pada 7 Mac 1964, Tunku Abdul Rahman mengumumkan akan membawa kes pencerobohan gerila Indonesia ke PBB jika pihak Indonesia meneruskan pencerobohan. Tindakan ini bagi memastikan bahawa gencatan senjata dan pencerobohan pihak Indonesia di Sabah dan Sarawak tidak berlaku lagi. Namun begitu, hubungan dengan Filipina berada dalam fasa pemulihan yang baik. Pada 18 Mei 1964, Pemulihan hubungan Kuala Lumpur dan Manila pada peringkat rundingan di mana pemulihan hubungan Manila-Kuala Lumpur menunjukkan bahawa Filipina mula mengiktiraf Malaysia.

Walaupun telah mengadakan rundingan dengan pihak Indonesia namun keselamatan negara masih belum terjamin kerana tindak tanduk Indonesia yang lebih menyiapkan ketenteraan yang boleh mendatangkan kebimbangan kepada Malaysia. Pada 22 Jun 1964-2 Julai 1964, Anastas Mikoyan Timbalan Perdana Menteri Soviet Union melawat Jakarta untuk membincangkan bantuan ketenteraan Soviet Union kepada Indonesia. Reaksi daripada

tindakan ini, pada 3 September 1964, Kerajaan Malaysia Mengisytiharkan darurat dalam negara dan telah meminta Majlis Keselamatan PBB mengadakan sidang segera untuk mengambil tindakan terhadap Indonesia. Dr. Ismail mengumumkan Malaysia membawa kes pencerobohan Indonesia ke PBB kerana pencerobohan negara semakin bertambah. Namun daripada reaksi ini pada 21 Januari 1964, Kerajaan Indonesia menghantar surat kepada Setiausaha Agung PBB yang mengatakan bahawa Indonesia dengan rasminya keluar daripada PBB. Pengunduran PBB dikaitkan dengan perkembangan pengaruh PKI dalam kabinet Sukarno. Pada masa yang sama, Indonesia turut bersedia melengkapkan kelengkapan senjata dan tentera dengan berhubung baik dengan Republik Rakyat China (RRC). Pada 28 Januari, RRC meluluskan pinjaman sebanyak AS\$100 juta kepada Indonesia termasuk AS\$10 juta dalam bentuk wang tunai. Hutang-hutang inilah yang menyebabkan inflasi hampir 600% Indonesia ketika era Sukarno yang lebih memfokuskan aspek ketenteraan dan ideologi politiknya berbanding pembangunan ekonomi dalam negara.

Persediaan Indonesia di bawah Sukarno yang lebih menumpukan kepada aspek ketenteraan menyebabkan Tun Abdul Razak berusaha mencari pengaruh negara lain untuk menyokong pembentukan Malaysia. Pada 13 November 1964, beberapa pemimpin negara ke Afrika untuk mendapatkan sokongan daripada negara benua Afrika diketuai oleh Tun Abdul Razak. Tun Abdul Razak mengunjungi Mesir, Algeria, Maghribi dan Tunisia bagi menguatkan lagi sokongan negara-negara Afrika terhadap Malaysia. Pada bulan Mac 1965, sekali lagi Tun Abdul Razak melawat benua Afrika. Dalam persidangan itu, Indonesia dan RRC telah menyebarkan propaganda anti-Malaysia tetapi gagal kerana negara-negara Afro-Asia yang menghadiri persidangan itu telah menolak draf resolusi Indonesia yang mendakwa Malaysia sebagai boneka British. Pegawai-pegawai tentera Indonesia termasuk Kolonel Ali Moertopo telah mengadakan lawatan sulit ke Kuala Lumpur. Ghazali Shafie juga turut melawat Jakarta secara sulit dan berunding dengan pegawai-pegawai atasan tentera yang diketuai oleh Jeneral Nasution. Semua rundingan berjalan dengan lancar kerana ada di kalangan pegawai-pegawai terlibat mempunyai hubungan kekeluargaan, misalnya isteri Ghazali Shafie mempunyai hubungan persaudaraan dengan Jeneral Nasution. Ghazali Shafie juga merupakan kawan rapat Kolonel Benny Moerdani. Walau bagaimanapun, perjalanan rundingan sulit tertunda dengan berlakunya GESTAPU. Semasa menandatangani Perjanjian Pemulihan, Tun Abdul Razak telah berjanji bahawa pilihan raya akan diadakan di Sabah dan Sarawak pada tahun 1967 dan beliau juga mengumumkan bahawa sebahagian daripada tentera British akan diundurkan dengan segera.

Hubungan pemulihan Malaysia dan Indonesia banyak terjejas disebabkan hubungan Subandrio yang tidak begitu sefahaman dengan Tun Abdul Razak. Pada 18 Mac 1966, atas arahan Jeneral Suharto, Subandrio bersama-sama dengan 15 orang menteri lain dalam kabinet telah ditahan ketika peristiwa GESTAPU berlaku. Peristiwa GESTAPU merupakan peristiwa pembunuhan enam Jeneral Tertinggi Indonesia bersama Seorang pegawai tinggi tentera di Lubang Buaya yang didalangi oleh PKI. Permulaan hubungan yang lebih erat untuk menyelesaikan konfrontasi bermula pada 24 Mac 1966, di mana kabinet baru dibentuk dengan Adam Malik sebagai Menteri Luar Negeri. Adam Malik diangkat menjadi Menteri Luar Negeri pada Kabinet Ampera I dibawah pimpinan pejabat Presiden Republik Indonesia Suharto. Pada tahun 1967, Sukarno menyerahkan pemerintahnya kepada Leftenan Jeneral Suharto. Pada saat Jeneral Suharto telah rasmi ditetapkan sebagai Presiden Kedua Republik Indonesia, Adam Malik diangkat sebagai Menteri Luar Negeri pada Kabinet Ampera II. Adam Malik berperanan penting dalam berbagai perundingan dengan negara-negara lain termasuk *rescheduling* hutang Indonesia peninggalan Orde Lama. Dengan perubahan ini,

bermulalah satu tahap baharu dalam hubungan Indonesia dengan Malaysia kerana usaha pemulihan dimulakan oleh Jakarta selepas Adam Malik menjadi Menteri Luar Indonesia. Peristiwa GESTAPU disambut baik oleh kerajaan Malaysia kerana memberi harapan bahawa pengaruh PKI dapat dihapuskan dan konfrontasi ditamatkan (Kunaselan, 1996). Wujud tanda-tanda untuk memulihkan hubungan kedua-dua negara berjiran selepas Jeneral Suharto berkuasa dan pelantikan Adam Malik sebagai Menteri Luar Indonesia.

Walaupun sudah berganti pemerintahan order lama ke orde baru, namun soal konfrontasi terhadap Malaysia itu belum mampu dapat dihentikan. Oleh kerana Sukarno masih Presiden beberapa kabinet lain termasuk Suharto dan lainnya belum berani secara terbuka mengusulkan untuk menamatkan konfrontasi bahkan ketika itu dalam orde baru, seperti KAMI masih menyeru Ganyang Malaysia. Oleh kerana situasi yang sedemikian, Adam Malik secara diam mengatur lawatan ke Bangkok untuk menemui Menteri Luar Thailand, tetapi sebenarnya Adam Malik telah mengatur pertemuan dengan setiausaha Jabatan luar Malaysia iaitu Ghazali Shafie. Pertemuan antara Adam Malik dan Ghazali Shafie itu memang dirahsiakan secara umum. Namun jika ada yang bertanya jawab Adam Malik ini adalah secara kebetulan dan Ghazali Shafie adalah keluarga bersama dan untuk kesempatan itu pertemuan dilakukan membicarakan soal keluarga juga soal situasi dan konfrontasi. Pertemuan inilah yang membuka semua kemungkinan. Setelah kedua belah pihak menyedari bahawa Malaysia-Indonesia harus segera mengakhiri permusuhan dan jalan agar konfrontasi harus segera diselesaikan. Ghazali Shafie kembali ke Kuala Lumpur dan Adam Malik segera kembali ke Jakarta. Kemudian Adam Malik mengadakan pertemuan dengan Suharto dan Sri Sultan Hamengku Buwono. Secara terbuka Adam Malik belum mahu langsung menemui Presiden Sukarno di Bagor.

Setelah semua keadaan diatur dan disiapkan terutama persiapan di kalangan ABRI dan juga dengan pimpinan masa perjuangan KAMI, KAPI dan barulah Adam Malik menemui Presiden Sukarno di Bogor. Sukarno masih menganggap bahawa penyelesaian konfrontasi itu merupakan kekalahan kepada pihak Indonesia. Adam Malik tanyakan lagi apakah ada alternatif lain. “Jika semangat dan posisi ABRI kita mahupun rakyat sudah tidak menyokong, apakah harus diteruskan. Oleh kerana momentum untuk menyelesaikan secara baik telah terbuka, maka pihak Indonesia harus menggunakan kesempatan itu sebaik-baiknya sehingga tidak ada yang kalah dan tidak ada yang menang”(Sukarno). Namun demikian, Sukarno masih terus menunda tarikh sehingga waktu yang sesuai dan tidak terburu-buru sebab apa yang dikira momentum keputusan belum tepat pada masanya.

Sukarno masih tidak mahu menamatkan konfrontasi sebab beliau berpendapat di Malaysia akan terjadi permasalahan satu sama lain dari negara yang bergabung dalam Pembentukan Malaysia. Penentangan gerila komunis dan tidak akan membenarkan imperialisme Inggeris mempergunakan Malaysia. Adam Malik menyatakan bahawa fikiran inilah yang terus merupakan keberatan Sukarno dalam menamatkan konfrontasi. Dalam masa yang sama, Sukarno akhirnya ia masih menekan untuk mencuba memisahkan Adam Malik dengan jeneral Suharto mahupun Sri Sultan Hamengku Buwono (Kementerian Luar Indonesia, 1966). Ini dilakukan Sukarno kerana melihat bahawa Adam Malik mula cenderung kepada penamatan konfrontasi bersama Suharto.

Pada 4 April 1966, Adam Malik mengumumkan bahawa Indonesia akan menilai semula dasar luarnya. Menyentuh tentang konfrontasi secara peribadi, Adam Malik mengatakan beliau ingin melihat konfrontasi ditamatkan secepat mungkin. Pada akhir bulan April 1966, Adam Malik memulakan semula langkah rundingan damai. Adam Malik telah memberi ucapan yang menjelaskan bahawa Jakarta sentiasa menghormati hak kedaulatan dan

kemerdekaan sesebuah negara dan bahawa Indonesia adalah fleksibel dalam mencari jalan penyelesaian terhadap masalah yang wujud. Jeneral Suharto juga menekan kenyataan Menteri Luarnya dengan mengatakan Indonesia akan menerima Malaysia jika persekutuan itu dapat membuktikan bahawa rakyat Sabah dan Sarawak benar-benar menginginkan Malaysia. Pada 5 Mei 1966, Adam Malik mengisytiharkan Konfrontasi akan berakhir jika hak penentuan rakyat Sabah dan Sarawak dijamin dan pangkalan British di Asia Tenggara ditutup.

Pada 18 Mei 1966, kabinet Malaysia memutuskan supaya mengadakan rundingan langsung dengan Indonesia pada peringkat Menteri Luar. Perkara yang sangat meyakinkan pihak Malaysia untuk berdamai adalah apabila kenyataan Adam Malik tentang kewujudan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia. Adam Malik telah mengumumkan satu langkah baru untuk mengadakan kerjasama serantau antara Malaysia, Indonesia, Filipina dan Thailand. Adam Malik mengumumkan bahawa Thailand dan Filipina bersetuju untuk menyertai pertubuhan serantau baru pada prinsipnya dan Malaysia pula menyambut baik cadangan tersebut. Adam Malik telah mengetuai satu rombongan yang terdiri daripada 45 Orang ke Malaysia bersama-sama Tun Abdul Razak pada 12 Ogos 1966.

Adam Malik terus mengekalkan dasar luar bahawa politik luar seperti negeri pemerintah dan akan terus menjalankan politik luar negara yang bebas dan aktif. Dalam mengatur dasar terhadap dunia luar maka segala segala sesuatu harus berlandaskan pada negara dan merupakan jaminan daripada kehendak hati nurani rakyat. Berkenaan itu maka sesuai dengan tri tuntutan rakyat pemerintah akan mengarahkan politik luar negeri kita untuk meningkatkan kemakmuran rakyat. Adam Malik mengumumkan bahawa pertemuannya dengan Tun Abdul Razak akan diadakan di Bangkok sebelum akhir bulai Mei 1966. Jeneral Nasution juga menegaskan isu Malaysia harus diselesaikan segera kerana Indonesia mahukan penyelesaian yang aman. Pada 29 Mei 1966, Tun Abdul Razak yang mengetuai perwakilan Malaysia telah mengadakan rundingan secara langsung dengan Adam Malik yang mengetuai rombongan Indonesia di Bangkok. Selepas berunding selama tiga hari, pada 1 Jun 1966, kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan terhadap tiga prinsip yang membolehkan masalah antara kedua-dua negara diselesaikan. Pada 9 Ogos 1966, Jeneral Suharto dan Adam Malik mengumumkan bahawa Tun Abdul Razak akan datang ke Jakarta dalam tempoh dua hari sebagai wakil kerajaan Malaysia untuk menandatangani persetujuan yang dicapai di Bangkok. Pada 11 Ogos 1966, Tun Abdul Razak ke Jakarta untuk menandatangani perjanjian dengan Adam Malik bagi memulihkan semula hubungan Malaysia dan Indonesia. Dalam ucapan, Tun Abdul Razak berharap perjanjian persahabatan yang telah ditandatangani pada 17 April 1959 dapat dihidupkan semula dengan sempurna. Intipati lain perjanjian ini memperakukan keputusan rundingan mereka di Bangkok iaitu menamatkan konfrontasi dan memulihkan semula hubungan diplomatik antara Malaysia dan Indonesia.

### **Hubungan Malaysia dan Indonesia Pasca Konfrontasi**

Selepas Perjanjian Bangkok ditandatangani bagi menamatkan konfrontasi Malaysia-Indonesia. Hubungan kerjasama Malaysia dan Indonesia terus terjalin Tun Abdul Razak dan Adam Malik yang memikul jawatan sebagai Menteri Luar terus bekerjasama dalam landasan yang lebih luas dengan membentuk ASEAN sebagai landasan kerjasama keselamatan negara-negara Asia Tenggara. Penglibatan Tun Abdul Razak tidak terbatas kepada usul-usul dalam negara sahaja malah beliau meletakkan asas-asas bagi dasar luar Malaysia. Dasar neutral dan berkecuali bertujuan menjalin persahabatan dengan semua negara yang menghormati serta ingin bersahabat dengan Malaysia tanpa mengira ideologi politik dan corak sosial mereka



(Pustaka Peringatan Tun Razak, 2020). Pada 22 September 1970, Tun Abdul Razak sebagai pemimpin baru UMNO secara automatik menjadikannya pemimpin baru kerajaan. Beliau terlibat dalam UMNO selama 20 tahun dan menjadi Timbalan Perdana Menteri selama 19 tahun. Tun Abdul Razak merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam memulihkan semula hubungan Malaysia dan Indonesia ketika era konfrontasi. Pada 22 September 1970, Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri Malaysia kedua bagi menggantikan Tunku Abdul Rahman. Tun Abdul Razak berpengalaman dalam memikul tanggungjawab yang besar terutama dalam isu konfrontasi Malaysia dan Indonesia dan juga peristiwa hitam 13 Mei 1969 yang merubah landskap politik dalam dan luar Malaysia.

Selepas berjaya menamatkan konfrontasi dengan Indonesia. Kepimpinan Tun Abdul Razak segala memikul tugas berat dalam menyelesaikan peristiwa hitam 13 Mei 1969. Kepimpinan Tun Abdul Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan telah berjaya mempengerusikan dan membentuk Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) pada 16 Mei 1969 yang bertanggungjawab menerajui pentadbiran kerajaan bagi menyelesaikan dua masalah utama negara, iaitu masalah perpaduan kaum dan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum. Pada masa yang sama, Tun Abdul Razak juga turut menubuhkan majlis Perundingan Negara (MPN) dan Jabatan Perpaduan Negara (JPN) bertujuan untuk menangani isu pembinaan semula perpaduan negara yang rapuh ketika itu. Maka, penubuhan Rukun Negara diperkenalkan oleh MAGERAN pada 31 Ogos 1970 mengukuhkan kesetiaan rakyat kepada negara. Rukun Negara merupakan ideologi kebangsaan yang mengandungi hasrat murni bagi membentuk sebuah masyarakat dan negara bangsa Malaysia yang demokratik, adil, saksama, liberal dan progresif. Rukun Negara tidak termasuk dalam perlembagaan dan bukan satu bentuk undang-undang. Rukun Negara merupakan batu asas falsafah dan amalan rakyat Malaysia sehingga ke hari ini. MAGERAN dibubarkan pada Februari 1971 dan dijadikan satu badan tetap yang dinamakan sebagai Majlis Keselamatan Negara (MKN). Penubuhan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertujuan untuk menjaga keamanan dan kestabilan negara.

*“...the pre-requisite of the success of such strategy of neutrality is that all of us, the countries in the region, must be prepared and willing to gear ourselves towards this direction and show a positive willingness to embark upon a course of genuine neutrality and not take any sides in the cold war conflicts (TR 1:5:71, 1971).”*

Ketika Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri, beliau telah mengubah dasar luar Malaysia yang dahulunya pro-Barat dan anti-Komunis kepada dasar berkecuali iaitu neutral tanpa memihak mana-mana kuasa besar dalam isu perang dingin (Johan savaravanamuttu, 2010). Dasar berkecuali diambil bagi menjamin kelangsungan politik Malaysia selepas kemerdekaan dan melindungi integriti wilayah Malaysia melibatkan Semenanjung Malaysia dan Borneo. *“Malaysia’s foreign policy is primarily directed to the strengthening of relationship with foreign countries and the neutralization of forces hostile to us (TR: 5.2.1966, 1966).”* Dasar berkecuali dan neutral dengan kuasa-kuasa besar diperkukuhkan dengan strategi ‘Zone of Peace, Freedom and Neutrality’ (ZOPFAN) jaminan keselamatan daripada campur tangan kuasa besar di rantau Asia Tenggara (TR: 5.2.1966, 1966).

*“We have worked hard for peace and stability in our part of the world on the basis that self-reliance of the countries in the region must be developed and differences in ideology and conflicts subordinated in the interests of effective co-operation to provide for the well-being*

*of the peoples of Southeast Asia. These principles have been elaborated in the ASEAN concept of a Zone of Peace, Freedom and Neutrality, which we see as a blueprint for the achievement of long-term stability in our region (TR 6:4:75, 1975)."*

Pada 27 November 1971, ASEAN mengeluarkan Deklarasi Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (Zone of Peace, Freedom and Neutrality, ZOPFAN) yang berfahaman berkecuali dan anti-nuklear. Malaysia turut menyertai Pergerakan Negara-negara Berkecuali yang memberi peluang untuk Malaysia menjalin hubungan diplomatik yang lebih akrab dengan negara-negara ASEAN, selain dapat menjamin keselamatan serantau. Hubungan Malaysia dan Indonesia pasca ASEAN lebih menumpukan hubungan kerjasama menjadikan ASEAN sebagai landasan kerjasama dalam bidang politik, keselamatan dan ekonomi.

Namun begitu, keputusan dasar luar yang dibuat Tun Abdul Razak di luar jangka adalah dengan menjalankan hubungan dengan negara China. Pada tahun 1974, Malaysia telah mengiktiraf Republik Rakyat China merupakan sebuah negara yang berfahaman komunis menerusi lawatan bersejarah Tun Abdul Razak ke Beijing, China. Hasil daripada lawatan sulung Tun Abdul Razak ke China telah menyaksikan negara Malaysia buat pertama kali telah menjalinkan hubungan dua hala dengan negara komunis China kerana sebelum ini, dasar luar Malaysia bersifat anti-komunis. Selain itu, Malaysia turut memainkan peranan penting dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), selain mengukuhkan hubungan dengan Kesatuan Ekonomi Eropah (ECC) dan pelbagai pertubuhan antarabangsa di seluruh dunia.

Begitu juga dengan Indonesia, yang mula merubah dasar luarnya yang lebih neutral dan mengadakan semula hubungan dengan negara blok Barat (TR 7:11:71, 1971). Selepas jatuhnya regim Sukarno, Suharto telah melaksanakan dasar orde baru dalam pemerintahan beliau. Dasar orde baru ini telah mengubah ideologi politik yang sebelum ini Pro-Komunis dan anti Neo-Imperialisme kepada Pro-Barat dengan mendukung ideologi demokrasi. Suharto telah mendukung ideologi pro-Barat dengan merubah dasar politik dan ekonomi. Ini bertujuan untuk mendapatkan sokongan dan bantuan daripada negara Barat terutama Amerika Syarikat untuk memulihkan semula ekonomi. Begitu juga dengan Tun Abdul Razak yang mengamalkan dasar berbaik dengan semua negara komunis dan sosialis untuk meningkatkan kerjasama ekonomi antarabangsa. Persamaan dasar politik antarabangsa Malaysia dan Indonesia di era Tun Abdul Razak dan Suharto memulihkan semula kerjasama ekonomi kedua-dua negara.

Di zaman Order Baru 1966, Adam Malik menyatakan keluar dari Parti MURBA kerana parti ini menentang masuknya modal asing dan tidak sesuai dengan dasar politik yang beliau ambil. Ketika era Suharto, beliau berpindah haluan ke Parti Golongan Karya (GOLKAR). Pada 20 Oktober 1964, Parti GOLKAR ditubuhkan untuk menghadapi kekuatan Parti Komunis Indonesia (PKI). Antara jabatan yang pernah disandang oleh Adam Malik adalah Menteri Perdagangan sekaligus sebagai Menteri Luar Negeri Republik Indonesia di Kabinet Dwikora II, Kabinet Ampera I (1966) dan Kabinet Ampera II (1967). Kemuncaknya sebagai wakil Presiden Republik Indonesia oleh Majlis Permusyawaratan Rakyat (MPR) pada tahun 1978. Pada tahun 1971, Adam Malik terpilih sebagai Ketua Majlis Umum Bangsa-Bangsa Bersatu ke-26 dan merupakan orang pertama dan satu-satunya sebagai ketua majlis umum PBB hingga saat ini. Adam Malik berperanan aktif untuk mengembalikan Indonesia menjadi anggota PBB pada tahun 1966. Indonesia keluar daripada keanggotaan PBB pada 20 Januari 1965 kerana protes terhadap PBB yang mengiktiraf Malaysia sebagai anggota tidak tetap Dewan Keamanan PBB. Pada 19 September 1966, Indonesia membuat permohonan

untuk menyertai PBB semula dan permohonan itu diterima oleh Majlis Umum PBB dengan Indonesia kembali semula menjadi anggota PBB pada 28 September 1966. Permohonan dan kemasukan Indonesia ke PBB disokong dan disambut baik Malaysia yang melihat peranan penting Indonesia dalam hubungan Antarabangsa. Ketika itu, Adam Malik memimpin persidangan PBB yang memutuskan dan menerima keanggotaan RRC di PBB sekalipun menerima hak veto.

Selain itu, Adam Malik wakil Perdana Menteri II (Waperdam) sebagai menteri luar negeri Republik Indonesia di Kabinet Dwikora II. Adam Malik berhasil melawati era masa transisi dengan pemerintahan yang berbeza era Sukarno dan Suharto. Ketika menjadi Waperdam II merangkap Menteri Luar Negeri, Adam Malik pernah mengatakan dalam ucapan pembukaan musyawarah ekonomi nasional disebutkan:

*“Bahawa politik luar negeri Indonesia bebas aktif, dasarnya sesuai dengan tuntutan rakyat, sedangkan masalah yang menonjol adalah masalah ekonomi di mana hampir sama dengan negara-negara berkembang lainnya seperti di Asia Afrika, Amerika Latin dan lain-lain (ANRI, 1966).”*

Adam Malik merupakan menteri luar negeri RI di susunan kedua yang cukup lama dipercayai memangku Jabatan tersebut selepas Dr. Subandrio sebagai menteri luar negeri dalam pemerintahan orde baru. Adam Malik berperanan penting dalam berbagai perundingan dengan negara-negara lain termasuk penjadualan hutang-hutang peninggalan orde lama. Pada tahun 1968, Adam Malik diangkat kembali sebagai Menteri Luar Negeri dalam Kabinet Pembangunan I. Pada tahun 1973, kembali memangku jabatan sebagai Menteri Luar Negeri dalam Kabinet Pembangunan II.

Di Indonesia, pembangunan ekonomi mula berkembang ketika era Presiden Suharto. Sebelum ini, ketidakstabilan politik dalaman dan juga penglibatan Indonesia terhadap konfrontasi telah menyebabkan Indonesia mengalami kemelesetan ekonomi. Ketika era Sukarno, perbelanjaan negara banyak digunakan untuk membeli kelengkapan pertahanan. Selain itu, Sukarno juga hanya memfokuskan sesetengah kawasan bandar dalam kemajuan ekonomi (Leo Suryadinata, 1989). Ini menyebabkan wujudnya gerakan pemberontak seperti PRRI dan Permesta yang menentang kerajaan pusat akibat masalah kemiskinan dan ekonomi yang mundur. Walaupun Sukarno berusaha memulihkan ekonomi Indonesia, namun masih belum cukup meningkatkan ekonomi Indonesia yang mengalami kemelesetan ekonomi. Tambahan pula, hubungan yang tidak baik dengan beberapa negara Barat juga menyumbang kepada sekatan bantuan dan dana ekonomi daripada negara Barat. Ini menyebabkan ekonomi Indonesia sukar untuk membangun dalam arus pembangunan kerana tiada peruntukan kewangan yang mencukupi. Bantuan dana yang diperoleh daripada negara-negara Komunis seperti USSR turut menjadi beban kepada kewangan Indonesia pasca konfrontasi akibat pinjaman yang tinggi. Pinjaman yang dilakukan daripada negara Komunis telah digunakan untuk membangunkan kelengkapan pertahanan dan ketenteraan. Keadaan ini menyebabkan Ekonomi Indonesia terbatas dalam pembangunan ekonomi.

Adam Malik merupakan tokoh perdamaian di Asia Tenggara pada ketika konflik konfrontasi dengan British-Malaysia masih berlangsung. Adam Malik juga yang mengagaskan dan merealisasikan pembentukan Association of Southeast Asian Nation (ASEAN) di Bangkok, 8 Ogos 1967 bersama Menteri Luar di Asia Tenggara iaitu Narsisco Ramos (Filipina), Tun Abdul Razak (Malaysia), S. Rajaratnam (Singapura) dan Thanat Khoman (Thailand) yang dikenali dengan deklarasi Bangkok. ASEAN ditubuhkan atas dasar persamaan dan berakhirnya konfrontasi di Asia Tenggara. Secara asasnya ASEAN

merupakan satu organisasi yang memfokuskan kerjasama dalam bidang ekonomi, sosial dan budaya. ASEAN didirikan berdasar deklarasi Bangkok.

- i. Mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan perkembangan kebudayaan di kawasan Asia Tenggara.
- ii. Meningkatkan perdamaian dan kestabilan rantau.
- iii. Meningkatkan kerja sama dan saling membantu untuk kepentingan bersama dalam bidang ekonomi, sosial, teknik, ilmu pengetahuan dan pentadbiran.
- iv. Memelihara kerjasama yang erat di tengah-tengah organisasi rantau dan antarabangsa yang ada
- v. Meningkatkan kerjasama untuk memajukan pendidikan, latihan dan penelitian di kawasan Asia Tenggara.

Pada tahun 1977, Adam Malik terpilih menjadi Ketua DPR/MPR. Pada tahun 1978, Adam Malik terpilih menjadi wakil Presiden Republik Indonesia yang ke-3 menggantikan Sri Sultan Hamengku Buwono IX yang secara tiba-tiba menyatakan tidak bersedia dicalonkan lagi. Setelah mempertimbangkan, Suharto telah memilih Adam Malik Sebagai Wakil Presiden yang merupakan karier politik tertinggi yang dicapai oleh beliau. Sebagai seorang diplomat, wartawan dan birokrat yang sering menjadi ungkapan ‘semua bisa diatur’ sebagai diplomat dikenal sebagai 1001 jawapan atas segala pertanyaan dan permasalahan yang ditugaskan kepadanya.

## **KESIMPULAN**

Peristiwa konfrontasi Malaysia-Indonesia banyak memberi pengajaran kepada hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia. Sejarah mencapai kemerdekaan yang berbeza Malaysia-Indonesia telah membawa kepada masalah dalaman yang berbeza antara Malaysia-Indonesia. Indonesia pasca kemerdekaan mengalami suasana yang berbeza dalam isu mempertahankan Irian Barat daripada Belanda menyebabkan Sukarno melihat kuasa Barat masih ingin meneruskan imperialisme di rantau Asia Tenggara. Ini antara punca yang menyebabkan beliau membantah ‘Gagasan Malaysia’ yang dilihat sebagai Neo-imperialisme baharu untuk kuasa barat menguasai negara-negara Asia Tenggara. Sementara Malaysia pula terus menghadapi ancaman komunis terus mengharapkan bantuan British sebagai barisan pertahanan negara bagi mematahkan serangan komunis yang ketika itu mula memasuki rantau Asia Tenggara. Kemerdekaan yang diberikan kepada Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei dengan membentuk ‘Gagasan Malaysia’ oleh British. Tindakan ini sebagai usaha untuk membendung pengaruh dan ideologi dalam menguasai negara rantau Asia Tenggara.

Namun begitu, pemahaman dan pengiraan yang diambil oleh dua watak utama iaitu Tun Abdul Razak dan Adam Malik dalam menamatkan konfrontasi dan pemulihan hubungan Malaysia dan Indonesia. Titik persamaan kedua-dua tokoh ini melihat Malaysia dan Indonesia tidak seharusnya melibatkan diri daripada peperangan ideologi barat dan komunis dalam dasar luar negara. Tun Abdul Razak dan Adam Malik berpegang teguh dengan prinsip neutral dan berkecuali dalam kancah politik antarabangsa yang membolehkan mereka bekerjasama dengan semua negara dunia. Melihat segala kesan buruk konfrontasi yang berlaku merugikan kedua-dua negara yang telah menjejaskan kerjasama hubungan politik dan ekonomi. Justeru, pengajaran daripada peristiwa konfrontasi Malaysia-Indonesia dijadikan sebagai asas membina hubungan Malaysia dan Indonesia yang lebih baik. Konsep saling bergantung antara Malaysia dan Indonesia dalam politik dan mahupun ekonomi akan menjadi kedua-dua negara akan menggunakan landasan diplomatik dalam memperkukuhkan

hubungan Malaysia dan Indonesia. Kajian ini memberikan pengetahuan mendalam hubungan Malaysia dan Indonesia terutama berkaitan peristiwa konfrontasi selain dapat membantu meningkatkan dasar hubungan dua hala Malaysia-Indonesia.

## RUJUKAN

- Aman. (2015). *Sejarah Indonesia Masa Kemerdekaan, 1945-1998*, Penerbit Ombak, Jakarta, Indonesia.
- Benjamin & Hingpins, J. (1958). "Indonesia: Now or Never, *Foreign Affairs*, 37(1).
- Butwell, R. (1964). Malaysia and Its Impact on the International Relations of Southeast Asia, *Asian Survey*, 4(7), 940-946.
- Faridah Jaafar. (2012). Hubungan Ekonomi Antarabangsa Period Tunku Abdul dan Dr. Mahathir mohamad: Suatu Kajian Komparatif. *SARJANA, Journal of Faculty of Arts and Social Sciences*, 27, 29-47.
- Fisher, C. A. (1963). The Malaysian Federation, Indonesia and the Philippines, A Study in Political Geography, *The Geographical Journal*, 129(3), 311-328.
- FCO 24/243, *Relations between Indonesia and Indonesia*, Visit of The Tunku Abdul Rahman to Indonesia (Summary) official visit to Indonesia 4-8 March 1968.
- Hindley, D. (1963). Foreign Aid to Indonesia and its Political Implications *Pacific Affairs*, 36 (2), 107-119.
- Hindley, D. (1964). Indonesia Confrontation with Malaysia: A Search for Motivate, *Asian Survey*, 5(6), 904-913.
- Johan Saaravanamutthu. (2008). *Malaysian Foreign Policy: The First Fifty Years, Alignment, Neutralism and Islamism*, Institute of South East Asia Studies (ISEAS).
- Joseph, C. L.(2005). Tunku Abdul Rahman and Malaya's Relations with Indonesia, 1957-1960, *Journal of Southeast Asian Studies*, 36(1), 87-109.
- Kahin, G. M. (1964). Malaysia and Indonesia, *Pacific Affairs*, 37(3), 253-270.
- Koleksi Keluarga Adam Malik. (2017). Naskah Sumber Arsip: Adam Malik Menembusi Empat Zaman, Memperingati 100 Tahun Adam Malik. Arsip Nasional Republik Indonesia, (ANRI).*
- Kunaseelan. (1996). *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957-1970*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Leo Suryadinata. (1989). Suharto's Indonesia: Two Decades On, *Southeast Asian Affairs*, Utheast Asian Affairs. ISEAS-Yusuf Ishak, hlm. 131-145.
- Mohamad Radzi, Abd Ghapa, Zubaidah & Azharudin. (2013). Rekonsiliasi Hubungan Malaysia-Indonesia Dalam Konteks Regionalism Asia Tenggara. *Malaysia Journal of History, Politics & Strategy UKM*, 40(1) ( July 2013), 177-197.
- Mohd Noor Yazid. (2000). Territorial Factors, Geo-Politics and Great Power Relations: The Case of Indonesia-Malaysia and South East Asian the Region 1961-1971. *International Journal of Political Science (IJPS)*. 3(4), 52-63.
- Mohd Sohaimi Esa. (2011). Sumbangan Tun Abdul Razak dalam membina hubungan Malaysia-Indonesia, *Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya*, Vol. 19, hlm. 197-216.
- Naskah Sumber Arsip Presiden RI: SOEHARTO. (2015). Arsip Nasional Republik Indonesia. Arsip Nasional Republik Indonesia (ANRI).*
- Naskah Sumber Arsip: Adam Malik Menembusi Empat Zaman, Memperingati 100 Tahun Adam Malik. Arsip Nasional Republik Indonesia. (2017). Arsip Nasional Republik Indonesia (ANRI).*

- Pamela Sodhy. (1988). Malaysian-America Relations during Indonesia's Confrontation against Malaysia, 1963-1966, *Journal of Southeast Asian Studies*, 19(1), 111-136.
- Pauker. G. J. (1964). Indonesia in 1963, The Year of Wasted Opportunities, *Asian Survey*, 4(4), 687-694.
- Ricklefs, M. (2005). *Sejarah Indonesia Modern 1200-2004*. Jakarta. Serambi Ilmu Semesta.
- Smith, S., Owen, S. & Baylis, J. (2007). *The Globalization of World Politics: An Introduction to International Relations*, Oxford University Press, Oxford United Kingdom.
- Ucapan Tunku Abdul Rahman Putra 1957*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara.
- Ucapan-ucapan Tunku Abdul Rahman Putra: 1957-1960*, Arkib Negara Malaysia, 1979.
- Ucapan-ucapan Tuan Haji Abdul Razak Hussein 1963*, Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia & Jabatan Perdana Menteri, 1980.
- Ucapan-ucapan Tuan Haji Abdul Razak Hussein 1964*, Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia & Jabatan Perdana Menteri, 1985.
- Ucapan-ucapan Tuan Haji Abdul Razak Hussein 1965*, Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia & Jabatan Perdana Menteri, 1986.
- Yaza Azzahara & Mohd. Afandi. (2018). The Role of Cultural Diplomacy: Indonesia Malaysia Relations, *Asian People Journal (APJ)*, 1(2), 197-206.
- Van der Kroef, J. M. (1963). Indonesia, Malaya, and the North Borneo Crisis, *Asian Survey*, Vol.3, No. 4, University of California Press, hlm. 173-181.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **MOHAMAD AKMAL IBRAHIM**

Graduan PHD tahun 2022

Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

akmalibrahim13@yahoo.com